

21/06/1998

Wakil Pahang musykil fungsi MTEN

WAKIL Pahang, Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman musykil dengan fungsi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengatasi krisis kegawatan ekonomi, terutama dalam mempengaruhi kerajaan dalam membuat keputusan.

Menurutnya, ahli Umno bimbang MTEN gagal memberi impak bagi membantu kerajaan memulihkan kegawatan ekonomi dan berharap Pengarah Eksekutif MTEN, Tun Daim Zainuddin memberi penjelasan berhubung isu itu.

"Kita dapati banyak cadangan dikemukakan tetapi adakah ia sudah dibawa ke peringkat Kabinet.

"Sehingga sekarang, kita tidak tahu kesan MTEN. Adakah cadangan itu apabila sampai ke Kabinet terus diambil tindakan atau menteri mengatakan ia perlu dikaji terlebih dahulu," katanya.

Abdul Aziz juga mempertikaikan apakah Bank Negara Malaysia (BNM) menjalankan tugas bagi memastikan dasar kerajaan diamalkan oleh sistem perbankan tempatan.

"Kita bimbang dan ragu berapa lama perlu menunggu untuk memastikan berlakunya pemantauan terhadap sistem perbankan tempatan," katanya.

Menurutnya, ahli juga ingin tahu berapa banyak daripada peruntukan lebih RM10 bilion bagi membantu sektor industri kecil dan sederhana (IKS) sudah disalurkan.

"Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga mengumumkan sistem perbankan tempatan mempunyai RM60 bilion. Kita tidak mahu pengumuman itu menjadi retorik dan tidak sampai ke bawah," katanya.

Beliau juga berkata, kecekapan pemimpin terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menarik pelaburan ke Malaysia menerusi misi dagangan di luar negara membolehkan Petronas mendapat kontrak lumayan.

"Kita mengucapkan syabas kepada Petronas kerana berjaya mendapatkan kontrak berbilion ringgit di Iran dan baru-baru ini di Australia walaupun terpaksa berdepan dengan masalah terutama tentangan senator Amerika Syarikat," katanya.

Sementara itu, Abdul Aziz turut menyarankan badan berkanun swasta seperti Telekom dan Petronas menyediakan dana kewangan bagi membiayai anak tempatan melanjutkan pelajaran di institusi berkenaan.

Beliau juga mencadangkan supaya saluran TV1 Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyiarkan mesej atau pesanan kerajaan.

(END)